

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

10. Adakah JKR, PDC dan MBSP akan memberi tambahan tempoh siap kerja bagi kerja-kerja penaiktarafan dan pembinaan infrastruktur diberhentikan akibat larangan pergerakan.
  - (a) Bagaimanakah MBSP menangani masalah penangguhan projek perumahan yang di peringkat akhir permohonan CCC?
  - (b) Bagaimanakah MBSP menangani masalah kelewatan ulasan teknikal dan tunai syarat akibat daripada larangan pergerakan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. JKR, PDC dan MBSP akan memberikan tambahan tempoh siap kerja bagi kerja-kerja penaiktarafan dan pembinaan infrastruktur yang diberhentikan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
  - (a) Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan penangguhan sesuatu projek dan menyebabkan CCC tidak dapat dikeluarkan oleh *Principal Submitting Person* (PSP) bagi projek tersebut dalam tempoh pelaksanaan PKP ini. Antaranya, kemungkinan lawatan teknikal akhir di tapak untuk perakuan CCC oleh agensi-agensi teknikal dan PSP tidak dapat dijalankan dalam tempoh ini yang menyebabkan perakuan tidak dapat dikeluarkan oleh pihak-pihak yang terlibat. Bagi menangani isu ini, pihak MBSP akan mengadakan perbincangan bersama

Jabatan-Jabatan Teknikal Luaran / Dalaman bersama dengan PSP dan pemaju projek berkenaan.

- (b) Pelaksanaan PKP memberi kesan di peringkat kelulusan pelan pembangunan di mana ia melibatkan proses ulasan teknikal dan tunai syarat. MBSP mempertimbangkan untuk menangguhkan semua permohonan pelan pembangunan yang masih dalam proses mengikut tempoh PKP dan secara tidak langsung dapat memberi tempoh masa kepada jabatan teknikal, PSP dan pemaju untuk mematuhi semua syarat-syarat selepas PKP ditamatkan.